

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5

Inflasi lebih tinggi jika tiada subsidi

Inflasi lebih tinggi jika tiada subsidi

Oleh **ASLINDA NASIR**
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kadar inflasi negara jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 10.6 peratus berbanding 4.7 peratus pada Ogos lalu sekiranya tiada subsidi disediakan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ia

adalah berdasarkan anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia yang mana dasar serta inisiatif kerajaan berjaya memulihkan ekonomi negara yang kini sedang menghadapi pelbagai cabaran domestik serta global.

"Pada 2023, kesemua pakar ekonomi termasuk daripada pertubuhan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia meramal-

kan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih rendah.

"Malaysia, sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka tidak terkecuali daripada terkena tempas daripada cabaran ini.

"Langkah-langkah untuk menangani cabaran-cabaran ini akan diperincikan dalam Bajet 2023," katanya semasa pertanyaannya bagi jawapan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) meminta kerajaan menjelaskan senario cabaran ekonomi dalam dan luar negara serta apakah tindakan kerajaan menanganinya demi menjaga kebajikan rakyat Malaysia.

Mustapha turut mengulas mengenai kesan matawang yang jatuh terhadap Bajet dan pembayaran hutang oleh kerajaan

dalam dolar Amerika Syarikat.

Katanya, hutang langsung kerajaan tidak sampai lima peratus dalam dolar Amerika Syarikat.

"Kebanyakan hutang kerajaan Pusat adalah dalam ringgit. Jadi kalau hutang langsung kerajaan Pusat, kesannya kecil sekali," katanya bagi menjawab soalan. Tun Dr Mahathir Mohamad (Pejuang-Langkawi).